

NOTIS TENDER

CADANGAN UNTUK SISTEM SKOR KUALITI DALAMAN (IQS) ASNB

1. PNB mempelawa syarikat yang berdaftar, berpengalaman dan berkelayakan untuk menyertai tender bagi kerja yang dinyatakan dan memenuhi kriteria-kriteria berikut:

KRITERIA MANDATORI

- i. Syarikat hendaklah diperbadankan dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia dengan kod bidang dan sub bidang yang berkaitan dengan Skop Kerja tender.
- ii. Syarikat hendaklah mempunyai modal berbayar minimum sebanyak RM500,000.00.
- iii. Syarikat hendaklah memiliki pengalaman dan kepakaran berkaitan Skop Kerja tender atau yang berkaitan dalam tempoh dua (2) tahun yang lalu.

2. Skop Kerja adalah merangkumi, tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara yang dinyatakan di bawah, dan tertakluk kepada perubahan:

SKOP KERJA

Mereka bentuk, membekal, menghantar, memasang, membangunkan, menyesuaikan, mengintegrasikan, menguji, melatih dan menyelenggara perkakasan serta perisian bagi Sistem Skor Kualiti Dalaman (IQS) di Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB").

3. PENDAFTARAN HASRAT

Petender yang ingin menyertai tender **WAJIB** menyatakan hasrat melalui emel ke nurulasyiqeen@pnb.com.my dan procurement@pnb.com.my dengan menyatakan juga nombor ID Ariba Network (ANID) PNB bermula pada **8 DISEMBER 2025 sehingga 30 DISEMBER 2025, pada atau sebelum jam 5.00 petang**. Manakala mana-mana syarikat yang belum berdaftar dalam sistem SAP Ariba PNB perlu berbuat demikian. Semua pendaftaran syarikat dalam SAP Ariba PNB boleh dibuat di laman mikro Perolehan PNB di <https://www.pnb.com.my/ms/e-perolehan-ms> atau www.pnb.com.my.

4. TAKLIMAT TENDER

Hanya syarikat yang berjaya menghantar emel dan mendaftarkan syarikat mereka dalam sistem SAP Ariba PNB mengikut syarat ditetapkan layak dijemput untuk taklimat tender. **KEHADIRAN DALAM TAKLIMAT TENDER SECARA VIRTUAL adalah MANDATORI**. PNB berhak menolak penyertaan tender sekiranya gagal hadir dalam taklimat tender.

5. PENYERAHAN TENDER MELALUI SISTEM SAP ARIBA PNB

Semua maklumat dan proses tender (jemputan tender, dokumen tender dan penyerahan dokumen tender) termasuk tarikh tutup serahan tender adalah menggunakan sistem SAP Ariba PNB. Hanya syarikat yang berdaftar dengan sistem ini serta menghadiri taklimat dan mengikut syarat ditetapkan adalah layak untuk menyertai tender.

6. PNB berhak untuk menerima atau menolak sebarang permohonan dan membatalkan proses tender ini serta menolak semua permohonan tanpa sebarang liabiliti atau tanggungjawab untuk memaklumkan tindakan yang sedemikian kepada syarikat yang terlibat. Hanya syarikat yang berjaya sahaja akan dimaklumkan.
7. PNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan yang ditanggung oleh para petender ketika menyediakan dan menyempurnakan dokumen tender ini. Syarikat Bumiputera digalakkan memohon.
8. Petender juga boleh merujuk kepada laman web PNB di www.pnb.com.my berkaitan maklumat iklan tender ini.